



**LFT10102**

**LFT10202**

---

**PENGANTAR  
PENGAJIAN SAINS  
SOSIAL DAN  
KEMANUSIAAN**



LFT10102

LFT10202

---

# PENGANTAR PENGAJIAN SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

Nur Azuki Yusuff

Wan Mohd Amirzal Wan Ahmad

Alexander Stark

Asmaa Lailee Mohd Noor

Tuan Rusmawati Raja Hassan

Zaleha Embong

Marwan Ismail

Khuzaiton Zakaria

Hak Cipta PENERBIT UMK, 2023

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia  
ISBN 978-967-0021-85-0

Penerbit Eksekutif: Azman Hashim. Editor Naskhah: Amirul Firdaus Zilah, Raihana Sulaiman.  
Editor Perolehan: Nur Fatimah Pahazri. Konsep dan Susun Atur Huruf: Mohd Faris Fauzi.  
Pembaca Prof: Zaliha Noor. Pembantu Teknikal: Mohd Suhairi Mohamad

Diterbitkan oleh:  
Penerbit UMK  
Universiti Malaysia Kelantan  
Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu  
16300 Bachok, Kelantan.  
(Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM))  
(Ahli Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. Keahlian : 201903)

Dicetak oleh:  
Pustaka Aman Press Sdn Bhd  
4200-A Simpang tiga Telipot,  
Jalan Sultan Yahya Petra  
15150 Kota Bharu Kelantan

# KANDUNGAN

Senarai Rajah	xi
Senarai Kata Singkatan	xiii
Prakata	xv

## **BAB 1 ILMU SAINS SOSIAL DAN SAINS KEMANUSIAAN**

Pendahuluan	1
Apakah Maksud Ilmu?	1
Jenis Ilmu Berdasarkan Perolehan	2
Sejarah Ilmu Menurut Perspektif Barat	3
Ilmu Sains	2
Pembahagian Ilmu Sains	4
Pengenalan Sains Sosial	5
Subdisiplin Sains Sosial	7
Psikologi	7
Antropologi	7
Sosiologi	8
Geografi	8
Sejarah	9
Ekonomi	9
Sains Politik	9
Pengenalan Ilmu Sains Kemanusiaan	10
Subdisiplin Sains Kemanusiaan	11
Klasik	11
Sejarah	11
Bahasa dan Kesusasteraan	11
Undang-undang	12

Seni Pentas	12
Falsafah	13
Teologi	13
Seni Visual	13
Kesimpulan	14

## **BAB 2 FALSAFAH DAN SEJARAH SAINS SOSIAL**

Pendahuluan	15
Falsafah Sains Sosial	16
Pengenalan Falsafah	16
Perbezaan Falsafah Sains dan Sains Sosial	17
Ringkasan Falsafah Sains	17
Ringkasan Falsafah Sains Sosial	19
Paradigma Sains Sosial	20
Paradigma Utama Sains Sosial	22
Sejarah Sains Sosial	24
Kesimpulan	27

## **BAB 3 BIDANG UTAMA SAINS SOSIAL**

Pendahuluan	29
Asas Teori	29
Pengenalan	29
Pengenalan Teori	30
Teori Sosiologi	30
Fungsionalisme Struktural	31
Teori Konflik	33
Teori Interaktionisme Simbolik	36
Teori Psikologi	38
Perspektif Biologi	38
Perspektif Psikoanalisis	39

Perspektif Tingkah Laku (Behaviorism)	40
Perspektif Kemanusiaan (Humanistik)	41
Perspektif Kognitif	43
Perspektif Sosiobudaya	44
Kesimpulan	46

#### **BAB 4 NILAI DAN ETIKA SOSIAL**

Pendahuluan	47
Definisi Nilai	47
Nilai Manusia	48
Nilai Kebendaan	49
Nilai Kerohanian	52
Etika	57
Keberkesanan Nilai dan Etika dalam Mencorak Masyarakat	59
Kesimpulan	60

#### **BAB 5 DEMOGRAFI DAN INSTITUSI SOSIAL**

Pendahuluan	61
Demografi	61
Institusi Sosial	62
Institusi Ekonomi	62
Institusi Politik	64
Institusi Politik (Kuasa)	65
Institusi Politik (Autoriti)	66
Institusi Keluarga	67
Jenis Keluarga	68
Peraturan Memilih Jodoh	68
Bentuk Perkahwinan	69
Kesimpulan	69

## **BAB 6 KERAJAAN DAN DASAR SOSIAL**

Pendahuluan	71
Apakah Polisi?	71
Polisi Sosial	72
Ciri-ciri Polisi Sosial yang Baik	73
Polisi di Malaysia	74
Dasar Ekonomi Baru	74
Dasar Sosial Negara	75
Dasar Keselamatan Negara	75
Dasar Komuniti Negara	76
Dasar Perpaduan Negara	78
Kesejahteraan Sosial	79
Ukuran Kesejahteraan Sosial	79
Keadilan Sosial	80
Tumpuan Polisi Sosial	81
Teori Keadilan Sosial	81
Kesimpulan	83

## **BAB 7 ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN**

Pendahuluan	85
Perspektif	85
Kecenderungan dalam Sains Sosial	86
Pascamodenisme (Postmodenisme)	87
Globalisasi	88
Isu-isu Sosial	92
Masalah Alam Sekitar	92
Kemiskinan dan Pembahagian Kekayaan yang Tidak Sama Rata	93
Lebih Birokrasi	95
Individualisasi	96
Kesimpulan	97



## **BAB 8 PERUBAHAN DAN INOVASI SOSIAL**

Pendahuluan	99
Perubahan Sosial	99
Faktor Perubahan Sosial	101
Gerakan Sosial	101
Pengetahuan dan Kesedaran	101
Penyebaran Kebudayaan	102
Modenisasi	102
Inovasi Teknologi dan Sosial	102
Ketidakadilan	103
Populasi	103
Peperangan dan Kejutan	104
Pola Perubahan Sosial	104
Evolusi	105
Revolusi	105
Sebaran (Difussion)	105
Modenisasi	106
Industrialisasi	106
Pembandaran	107
Teori Perubahan Sosial	107
Teori Evolusi	107
Teori Konflik	108
Teori Fungsionalisme	108
Teori Psikologi Sosial	109
Teori Modenisme	109
Teori Sistem	110
Perubahan Sosial Kerangka Revolusi Industri	110
Bentuk dan Tempoh Revolusi Industri	111
Revolusi Industri 1.0	111
Revolusi Industri 2.0	112

Revolusi Industri 3.0	113
Revolusi Industri 4.0 (4IR)	114
Lapan Dimensi dan Perubahan 4IR	117
Inovasi dan Produktiviti (Innovation and Productivity)	118
Perubahan Sosial Cetusan Bencana COVID-19	120
Inovasi Sosial	121
Operasional Inovasi Sosial Melalui Perusahaan Sosial	122
Asas dan Peranan Perusahaan Sosial	124
Kesimpulan	125

## **BAB 9 IMPAK SOSIAL**

Pendahuluan	127
Perubahan Sosial	127
Impak Sosial	128
Mengukur Impak Sosial	131
Kesimpulan	133

## **BAB 10 PENGURUSAN RISIKO DALAM PEMBANGUNAN SOSIAL**

Pendahuluan	135
Falsafah Pembangunan Barat dan Islam	136
Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)	138
Strategi kelestarian pembangunan	140
<i>Megatrend</i>	140
Dunia VUCA dan BANI	141
Pengurusan Risiko dalam Program Pembangunan Sosial	144
Strategi Pengurusan Risiko	145
Kesimpulan	145

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 1	Perkembangan sejarah Ilmu di Barat	3
Rajah 2	Model hierarki keperluan Maslow	42
Rajah 3	Teori Ekologi-Sistem Bronfenbrenner	45
Rajah 4	Piramid Kekayaan	93



## SENARAI SINGKATAN

BPA	Bahagian Pengurusan Akademik
Cth.	Contoh
dll	dan lain-lain
Dr.	Doktor
dsb	dan sebagainya
En.	Encik
FBI	Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
hb.	haribulan
NGO	Non-Government Organisation
Pn.	Puan
SAW	SollaLlahu 'alaihi Wasallam
SWT	Subhanu wa ta'ala
TN50	Transformasi Nasional 50
UMK	Universiti Malaysia Kelantan
&	dan
@	atau (at sign)



## PRAKATA

Buku *Pengantar Pengajian Sains Sosial dan Kemanusiaan* merupakan buku sokongan pembelajaran bagi mata pelajaran wajib Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan. Buku ini merupakan inisiatif ahli akademik Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan yang mengajar kursus di peringkat awal secara berkumpulan (team teaching). Perbincangan ilmiah merupakan satu wacana penting dalam memartabatkan bidang sains sosial yang berteraskan nilai keinsanan di Malaysia. Perbincangan secara ringkas pengenalan dan pengelasan pengajian sains sosial dari aspek yang pelbagai, menjadi objektif fakulti supaya mencapai matlamat penerbitan buku ini. Buku ini turut dikembangkan dengan maklumat tambahan hasil penemuan langsung dan tidak langsung semasa proses pengumpulan dan analisis data.

Buku ini terdiri daripada sepuluh bab iaitu lapan bab adalah mewakili kandungan asal silibus kursus manakala dua bab lagi adalah tambahan bab bagi menyimpulkan dan merumuskan objektif perkongsian mata pelajaran wajib fakulti ini.

Bab 1 dimulai dengan pengenalan kepada ilmu sains sosial secara ringkas dan ilmu kemanusiaan. Begitu juga penerangan terhadap pembahagian ilmu dan cabangnya. Bab 2 memperincikan perbincangan berkaitan falsafah di sebalik ilmu ini dan sejarah perkembangan ilmu sains sosial di Barat.

Bab 3 memperincikan beberapa bidang utama pengajian ilmu sains sosial dan disusuli dengan penekanan terhadap nilai dan etika sosial dalam Bab 4. Perbincangan ilmu yang lebih mendasari lokaliti negara Malaysia diperjelaskan dalam Bab 5; Demografik sosial dan institusi-institusi sosial. Seterusnya dipanjangkan lagi berkaitan kerajaan dan dasar dosial di dalam Bab 6.

Penulis mencelah pada pertengahan perbincangan dalam buku ini berkaitan isu-isu kontemporari dalam pengajian sosial yang berlangsung pada era kini di dalam Bab 7. Perbincangan awal isu-isu ini akan dilanjutkan kepada strategi penyelesaian dalam bab akhir. Namun sebelum itu, penulis membawa pembaca dalam perkongsian ilmu berkaitan perubahan dan inovasi sosial dalam Bab 8 dan smpak Sosial dalam Bab 9.

Bab terakhir yang membicarakan ilmu pengurusan risiko dan pengurusan manusia dalam pembangunan organisasi amat menepati dalam menjawab persoalan strategi penyelesaian isu sains sosial dan kemanusiaan.

Oleh itu, penulis ingin merakamkan setinggi penghargaan ditujukan kepada pengurusan fakulti yang memberi kepercayaan kami. Ucapan terima kasih kepada pihak BPA, UMK dan Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Pengantarabangsaan serta rakan sidang penyunting dan Penerbit UMK dalam merealisasikan penerbitan buku ini.

**Nur Azuki Yusuff**

**Wan Mohd Amirzal Wan Ahmad**

**Alexander Stark**

**Asmaa Lailee Mohd Noor**

**Tuan Rusmawati Raja Hassan**

**Zaleha Embong**

**Marwan Ismail**

**Khuzaiton Zakaria**



# **BAB 1**

## **PENGENALAN ILMU SAINS SOSIAL DAN SAINS KEMANUSIAAN**

### **PENDAHULUAN**

Dalam memahami ilmu sains sosial dan sains kemanusiaan, bab awal ini berusaha menjelaskan maksud ilmu, ilmu sains, sains sosial dan sains kemanusiaan. Kemudiannya menyatakan jenis ilmu, sejarah dan perbezaan ilmu sains serta subdisiplin bagi ilmu sains sosial dan sains kemanusiaan. Kandungan bab ini dimulai dengan pengenalan ilmu, jenis berdasarkan perolehannya, pengenalan sains sosial, pembahagiannya dan subdisiplinnya. Seterusnya berkaitan ilmu kemanusiaan dan cabangannya.

### **APAKAH MAKSUD ILMU?**

Ilmu daripada kata dasar bahasa Arab membawa maksud ‘pengetahuan’, iaitu berkaitan perkara dunia, akhirat, zahir dan batin yang diperolehi dari pelbagai sumber. Ilmu lebih kepada sampainya diri kepada makna, atau hadirnya makna dalam diri seseorang (Kamus Dewan, edisi 4). Ilmuwan ialah individu yang berpengetahuan, berkepandaian, ahli, pakar, mahir, bijak dan memiliki kebijaksanaan dan kepintaran dalam menerima maknanya. Manakala pengetahuan pula merupakan himpunan kefahaman tentang manusia dan kitaran alam sekelilingnya sama ada fizik atau metafizik.

Ilmu pengetahuan wujud apabila manusia sebagai khalifah di muka bumi yang telah diberikan akal berfikir. Sifat tabii manusia yang ingin tahu dan berkebolehan menaakul (ukuran akal) menyebabkan mereka berusaha memahami dan meramal kebarangkalian berlaku, menstrukturkannya secara saintifik dan mengembangkan ilmu tersebut.